

**AWAS:**

- a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada tertidur wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.
 

**Pakaian dan Alat Perlindungan:** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pefasas mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).
- b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:**

**Tanda Awal:** Mual, muntah, cicit-birit, sakit perut, cecair berlebihan di hidung dan mulut, sukar bernafas, peluh berlebihan, anak mata mengecil, air mata berlebihan, kerap kencing, letih, hilang kawalan pergerakan, otot lemah, getaran otot setempat, kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), demam, mengantuk, kekeliruan, keresahan, degupan jantung tidak sekata jantung berdebar, sesak nafas, kulit kebiruan, lumpuh, sawan, koma.

**Tanda Tertangguh:** Lumpuh otot, lumpuh otot pefasas, kerisauan, gangguan fungsi saraf sisi tertangguh (deria rasa, otot lemah), otot sakit, otot lemah, paresthesia (rasa kebas, terbakar, sejuk, semut-semut, menyucuk, merayap), kemurungan, cepat marah, keresahan, kurang daya ingatan.

**RAWATAN KECEMASAN:**

Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika tertidur, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.



**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

# D-MALATHION 96 UL

RACUN SERANGGA    CECAIR ISIPADU ULTRARENDAH (UL)

UNTUK KEGUNAAN KESIHATAN AWAM SAHAJA



**Perawis Aktif: malathion ..... 96.0% w/w**  
**Perawis Lengai: .....4.0% w/w**


UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA

No. Pendaftaran : LRMP. R1/9045    Kandungan Bersih : 20 liter

Tarikh Mengilang :

Tarikh Luput :

Didaftarkan oleh:

 **Bright Resource Technology Sdn. Bhd.**  
 200001014559 (517165-A)  
 No. 11-2, Jalan Meranti SD 13/4,  
 Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
 Tel.: 03-6272 1678    Faks: 03-6272 9528

Jika berlaku **KERACUNAN**,  
 Sila hubungi **TALIAN KECEMASAN :**



**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

D-MALATHION 96 UL ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan "organophosphate" yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.**

SERANGGA	TEMPAT	CARA PENYEMBURAN	KADAR CAMPURAN RACUN	KADAR PENGGUNAAN RACUN SEHEKTAR
Nyamuk ( <i>Aedes albopictus</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i> )	Luar Bangunan Sahaja	ULV	Guna secara terus tanpa mencairkan	440 ml
		Pengubatan terma	59 ml/ liter diesel	119 ml

**Catatan:** Masa yang paling sesuai digunakan ialah pada lewat petang dan awal pagi kerana masa itu aktiviti nyamuk paling aktif. Jangan guna pada hari yang panas. Kelajuan angin tidak boleh melebihi 6 km/j.

**Panduan Membancuh:**

Disyor menggunakan mesin ULV dan mesin pengubatan terma. Untuk mesin ULV, terus isikan tangki dengan **D-MALATHION 96 UL** tanpa banchuan. Untuk mesin pengubatan terma, isikan tangki setengah penuh dengan diesel, campurkan **D-MALATHION 96 UL** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan banchuh. Seterusnya tambah baki diesel yang diperlukan. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki banchuan **D-MALATHION 96 UL** di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur:**

Lakukan semburan apabila penyakit bawaaan nyamuk telah dilaporkan atau sebagai operasi pencegahan di kawasan berisiko tinggi bagi penyakit tersebut. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **D-MALATHION 96 UL** berselang-seli dengan racun serangga lain yang mempunyai cara tindakan herbeza.

**有害品**  
 勿貯藏在靠近食品或  
 兒童所接觸的地方

**HARMFUL**  
 KEEP AWAY FROM  
 FOODSTUFF AND CHILDREN

**KELAS III**

**BERBAHAYA**  
 JAUHKAN DARIPADA  
 MAKANAN DAN KANAK-KANAK

**தீங்கிழைப்பது**  
 உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
 அருகில் வைக்காதீர்

RESTRICTED TO COMPETITORS ONLY